



SAFETY ALERT



JKKP/DOSH

KEJADIAN LETUPAN HABUK DI KILANG MEMPROSES KENAF



Pada 2 Oktober 2016 lebih kurang pukul 12.00 tengahari satu kejadian letupan habuk telah berlaku disebuah kilang di yang memproses butiran arang batang kenaf kepada bentuk serbuk di Terengganu. Kejadian ini telah menyebabkan seorang pekerja mengalami kecederaan dan kerosakan yang serius kepada jentera dan bangunan seperti ditunjukkan pada Gambar.

Cadangan Langkah-Langkah Pencegahan:

1. Menjalankan penafsiran risiko bagi mengenalpasti lokasi yang paling mungkin yang boleh menyebabkan berlakunya letupan habuk;
2. Mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan elemen-elemen dalam pentagon letupan habuk yang terdiri dari bahan boleh terbakar (fuel), bahan pengoksidaan (oxidant), sumber pencucuhan (ignition source), penyerakkan habuk (dispersion of dusts) dan ruang tertutup tidak bercantum;
3. Memasang peralatan tambahan seperti rupture disk pada ruang tertutup untuk mengurangkan impak tekanan; dan
4. Memberi latihan dan kesederan kepada pekerja berkaitan dengan risiko letupan habuk.